

# Guru2 yg kita kehendaki mesti dedikasi

14 ME 1977

## —Mahathir

SANDAKAN, Jumaat.  
— Dr. Mahathir Mohamad berkata, guru yang dikehendaki oleh negara sekarang ialah mereka yang bukan saja pandai mengajar tetapi juga mempunyai minat dan dedikasi yang tinggi.

"Merdeka mestilah sedia mengorbankan masa dan tenaganya mendidik kanak-kanak dengan penuh rasa cinta dan sayang," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Maktab Perguruan Sandakan, maktab yang ketiga didirikan di Sabah di sini hari ini. Ketibaan beliau dan isterinya, Dr. Siti Hasmah disambut oleh lebih 5,000 penduduk di situ.

Katanya, Kementerian Pelajaran sedang berusaha dengan gigihnya mendapatkan guru-guru yang berkualiti seumpama itu dengan merancang kursus-kursus dalam perkhidmatan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, Kementerian Pelajaran juga menggubal tata-susila perguruan dan membaiki

taraf guru-guru dengan memberi mereka tanggungaji yang sesuai seperti skim baru dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran menegaskan, Kerajaan sedar disebabkan masih ada guru tidak terlatih atau guru-guru sementara, mutu pengajaran tidaklah begitu memuaskan.

"Saya telah mengarahkan berbagai bahagian dalam Kementerian Pelajaran memberi alat-alat bantuan untuk penggunaan dalam bilik darjah seperti yang diberi melalui Radio dan Televisyen Pendidikan untuk

menolong pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

"Banyak wang telah diperuntukkan dan disalurkan kepada sekolah-sekolah untuk digunakan sepenuhnya demi kepentingan kemajuan murid-murid," tegas beliau.

Satu faktor lagi yang sentiasa diambil berat oleh Kementerian Pelajaran, tambah beliau, ialah mengadakan kursus dalam perkhidmatan

bagi guru-guru dan pensyarah untuk mengemaskinikan segala perkembangan baru.

Mengenai masalah guru di Sabah, Dr. Mahathir berkata, Menteriannya sedar 35% dari guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah pada masa ini tidak terlatih.

### Merancang

Dengan kata lain, dari 6,391 orang guru yang sedang berkhidmat sekarang, 2,260 orang tidak terlatih.

Oleh itu, katanya, di samping maktab perguruan yang dirasmikan di Sandakan hari ini, Kerajaan sedang merancang membina sebuah lagi maktab di Keningau dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga menjadikan jumlahnya empat buah termasuk sebuah di Tuaran dan satu lagi di Kota Kinabalu.

Dr. Mahathir berkata, Menteriannya bukan saja menyediakan kursus latihan perguruan di Sabah, malah mengambilibil sebilangan gurunya ke Semenanjung Malaysia untuk menjalani latihan.

Menurut beliau, maktab-maktab perguruan yang ada sekarang masih tidak cukup untuk menampung keperluan guru-guru terlatih.

Oleh itu, bagi mengatasi kekurangan guru-guru terlatih pada masa akan datang, Kementerian Pelajaran merancang untuk memperbaksarkan maktab-maktab yang ada sekarang dan mendirikan maktab-maktab perguruan yang baru.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat memberikan perhatian yang sama kepada kawasan-kawasan luarbandar dan lain-lain bahagian di negeri ini.

Katanya, rakyat di Sabah, terutama sekali di luarbandar janganlah merasakan bahawa mereka diabaikan.